



BERBICARA TENTANG WAKTU

RANCANGAN BICARA PUISI

PERBADANAN PENYIARAN SINGAPURA

TARIKH SIARAN: 17 JANUARI 1984

HASNADY ABDULLAH (MOHAMED NAIM DAUPI)

JURUHEBAH :

Saudara-saudara pendengar bicara puisi.

Sememangnya sejak manusia mengenali tamadunnya, waktu atau masa amat dihargai oleh kita. Para pujangga meletakkan masa sebagai seketul emas atau segunung intan yang tiada nilai bandingannya. Waktulah yang meletakkan suasana dan kehidupan berubah, bergerak dan mencari makna. Setiap gerak kehidupan diukur dengan faktor waktu, setiap matlamat pekerjaan kita waktulah yang menjadi ukurtara dan penentunya. Mungkin antara kita pernah menyebut; segala-galanya tergantung pada masa dan keadaan, atau mungkin pula kita membuat ikrar kalau ada masa kita akan bertemu lagi atau lain-lain lagi, memperlihatkan masa atau waktu itu senantiasa mempengaruhi kehidupan kita.

Manusia-manusia moden hari ini dikatakan sering hambat-menghambat waktu. Kita mungkin tidak mahu ditinggalkan waktu. Meninggalkan waktu berlalu tanpa suatu kerja yang berfaedah dan menguntungkan kita dianggap suatu pembaziran. Meninggalkan waktu menjadikan diri kita dan kehidupan sekitar merenggangkan.

Kecuaian atau kealpaan mengira waktu adalah sejenis penyakit yang menular dan boleh membusuk dalam diri kita. Kealpaan menjadikan manusia tidak dapat menghargai waktu. Alpa, leka, cuai, dan lengah atau sifat menunda-nunda waktu menjadikan kita malas, beku, tidak cergas, kurang inisiatif dan berbagai lagi sifat yang tidak positif. Manusia yang cergas mental dan fizikalnya sering mengira-ngira waktu, betapa detik-detik waktu yang berlalu dan waktu muka harus diisi dengan sesuatu yang bererti, betapa jarum-jarum jam yang bergerak itu harus diladeni sesempurna mungkin untuk memberi nilai kepada kehidupan kita. Waktu atau masa itu tidak harus ditinggalkan tanpa sesuatu yang dapat membantu kita mencapai matlamat atau impian kita. Menyia-nyiakan masa bererti kita di dalam golongan manusia-manusia yang pasif tindak-tanduknya.

Kalaulah kita hayati pengucapan peribahasa yang tercipta oleh masyarakat lampau kita, terdapat banyak sekali peribahasa yang menyebut faktor masa. Sekadar contoh ; Berjagung-jagung dahulu sementara menantikan padi masak menunjukkan betapa waktu menantikan suatu penghasilan yang besar, janganlah kita pula melenggangkan-melenggangkan masa, waktu harus diisi dengan pekerjaan yang mendatangkan faedah



kepada kita dan janganlah kita meninggalkan waktu walau sedetikpun dengan tidak berbuat sesuatu.

Begitu juga dengan bidalan 'Biar lambat asal selamat' MENYEBUT juga faktor masa di dalamnya. Betapa kita tidak seharusnya bergopoh-gopoh dalam mengerjakan sesuatu.

Melalui pantun juga, waktu juga pernah dijadikan maksud pengucapan seperti pantun dua kerat ini; lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang dan lain-lain lagi.

Saudara-saudara pendengar.

Minggu ini, ruangan bicara puisi akan kami mulakan dengan sorotan ke atas tiga kuntum puisi yang memusatkan perbicaraannya tentang waktu. Sorotan-sorotan ke atas puisi-puisi WAKTU karya NORULASHIKIN JAMAIN, WAKTU: BISAKAH KAU TANGGUHKAN PERJALANANMU karya IZMAS dan WAKTU hasil tulisan NORMANS yang akan diperdengarkan nanti merupakan sumbangan daripada saudara Hasnady Abdullah. Semoga percakapan Hasnady Abdullah ini akan bermanfaat kita.

SOROTAN :

Saudara-saudara pendengar yang berbahagia.

Ramai di antara kita selalu sahaja terpukau dengan peristiwa yang meriangkan dan menggembirakan yang pernah kita tempuhi atau singgahi dalam kehidupan lampau kita. Kita menjadi begitu asyik dengan manisnya hidup, mesranya sekitaran kita, akrabnya orang-orang yang hampir kepada kita, murninya cara hidup kelompok bangsa yang turut kita hadiri dan heningnya suasana kehidupan kita yang pernah kita jalini dulu. Keterpukauan dan keasyikan ini menjadikan kita membuat perbandingan betapa kehidupan hari ini tidaklah semanis, semesra, semurni, seakrab dan sehening kehidupan yang telah meninggalkan kita.

Begitulah halnya yang menimpa penyair kita IZMAS atau nama sebenarnya ABDUL AZIZ ISMAIL. Izmas secara berterus terang meminta waktu supaya dapat menangguhkan perjalanannya demi memberi peluang kepada beliau supaya dapat menyerapkan manisnya, mesra dan akrabnya kehidupan lampaunya ke dalam kehidupan yang ditempuhnya hari ini.

ARAHAN : DEKLAMASIKAN PUISI INI

Waktu, bisakah kau tangguhkan perjalananmu
untuk pulangkan aku
sementara pada masa sudahku?



SOROTAN :

Perbicaraan IZMAS tidaklah berhenti setakat itu. Melalui puisi beliau seterusnya IZMAS merasakan jengkelnya terhadap manusia-manusia hari ini yang tidak pintar menggunakan waktu. Waktu mereka dihabiskan dengan kerja-kerja yang menyongsangkan, dengan sifat-sifat yang rakus, dengan berbalah-balah sehingga menitiskan darah, berpecah-pecah sehingga menjadi kelompok bangsa yang kecil dan longgar oleh fahaman dan ideologi politik yang sempit, menjadi manusia yang dihambakan oleh material dan wang ringgit, menjadi manusia yang tidak berbudi, yang tidak pandai berbakti dan menjadi manusia yang serba keliru serta kacau.

ARAHAN : DEKLAMASIKAN PETIKAN INI

Aku masih baru
belum lama di sini
pada jerjak hidup yang tak kuminta
menyaksikan manusia rakus
memandang warna darah
mengumpul wang
tidak mempeduli kau
atau mahu berihat bersamamu
di bawah nama kebaktian

SOROTAN :

Saudara-saudara pendengar.

Kalaulah kita hayati seterusnya puisi IZMAS ini, kita seolah-olah mendengar rintihan IZMAS tentang kehidupan hari ini yang tidak seperti masa lampau. Betapa IZMAS merindukan zaman kegemilangan bangsa dan tamadun nenek moyang yang tahu menjunjung budi, jasa, dan menyelami rahsia-rahsia manusia. Walaupun puisi ini digarap secara terus-terang dan terasa tidak ada istimewanya persoalan yang diluahkan beliau, tetapi kita dapat merasa suara bathin IZMAS menanggapi kehidupan yang dihidirnya kini.

Rasa rindu atau rasa nostalgia yang dicetuskan oleh IZMAS ini walaupun mengisi suara bathin beliau tetapi puisi tersebut tidak berjaya mengajak kita membuat penafsiran sedalam-dalamnya atau merangsang kita untuk menemui kehidupan yang kita hadiri kini. Sebenarnya keterpukauan, keasyikan dan keterpujaan mengenang masa lampau dengan segala macam kerinduan adalah ibarat kelekaktu yang mati di tengah sinar cahaya yang bergemerlapan. Dan keasyikan demikian hanya akan melebarkan pergerakan kita menghayati kehidupan hari ini.



Saudara-saudara pendengar.
Sekarang dengarilah seluruhnya puisi ISMAZ ini ; WAKTU, BISAHAH KAU
TANGGUHKAN PERJALANANMU? Yang pernah diterbitkan di akhbar berita minggu
pada 11 nov 1979.

ARAHAN :
DEKLAMASIKAN PUISI INI

Waktu, bisakah kau tangguhkan perjalananmu
untuk pulangkan aku
sementara pada masa sudahku

Aku masih baru
belum lama di sini
pada jerjak hidup yang tak kuminta
menyaksikan manusia rakus
memandang warna darah
mengumpul wang
tidak mempeduli kau
atau mahu berihat bersamamu
di bawah nama kebaktian

Waktu, bisakah kau pulangkan
aku pada pengalaman sudahku
kembali pada pohon-pohon kayu
tanah, rumah dan riang ketawa
anak kecil menendang bola
menjaja kuih
dengan kesyukuran di gigi pantai

Waktu, kalau kau sayangkan aku
bisakah kau tangguhkan perjalananmu
untuk kumpulkan ingatanku
pada zaman kebesaran melayu lama
atau kembalikan aku pada
tamadun datuk nenekku
atau menyanjung budi
jasa dan rahsia-rahsia manusia

Waktu, bisakah kau tangguhkan perjalananmu
dan pulangkan aku sementara
pada masa sudahku?



SOROTAN :

Saudara-saudara pendengar yang saya muliakan

Menghadirkan diri dalam sesebuah kehidupan umpama sebuah perjalanan tanpa batas dan sempadan. Mungkin dalam beberapa detik kita berasa puas apabila ditemukan dengan sesuatu yang kita impikan tersembul di hadapan mata kita atau berputik di dalam perasaan kita. Tetapi tanpa juga kita rasa sesuatu yang kita kecapai itu menghindar. Ini menjadi kita terdorong untuk menampilkan berbagai lagi keinginan bagi menjadikan sesuatu yang kita atau yang pernah kita kecapai itu lebih lengkap dan lebih selesa. Jadi perjalanan tetap berlaku dan waktu pun termamah sedikit demi sedikit. Dalam perjalanan ini juga kita mungkin tersepit oleh waktu yang banyak bagi mencapai keinginan-keinginan kita.

Saudara-saudara pendengar.

Puisi kedua yang menjadi sorotan saya minggu ini menggambarkan kegelisahan seseorang anak manusia yang tersepit oleh waktu. Waktu yang berlalu dengan amat pantas dan menghirup usia anak manusia ini menjadikan beliau gegabah dan keletihan. Sementara kegegeban dan keletihan ini hanya melahirkan kekosongan-kekosongan dalam kehidupannya.

Namun demikian, dalam keadaan begini beliau sering menjadi sedar betapa waktu sebenarnya bukanlah penentu segala keinginannya. Kehidupan, impian-impian dan keinginan-keinginan dapat disejajarkan dengan waktu, waktu bukanlah penguasa mutlak dan kitalah sendiri yang menguasai waktu. Tenaga fikir, gerak dan rasa adalah penggerak kita mencapai segala yang kita impikan.

Sekarang hayati puisi tersebut, tulisan penyair NORMANS yang diberi tajuk Waktu dan pernah tersiar di akhbar Berita Minggu pada 6hb Januari 1980.

ARAHAN : DEKLAMASIKAN PUISI INI

Waktu

yang terlalu pantas menghirup usiaku
kadang kala menjadikan aku terbaring keletihan
dan dibelai kekosongan

Lalu biasanya di ketika itu

aku pun menjadi sedar
tentang kehadiran diri dan waktu
yang sering dihidupkan kembali
oleh jam locengku setiap pagi
bahawa sebenarnya diri dan waktu
adalah seruling yang bisa kureka rentak baru



bahawa sebenarnya diri dan waktu
adalah puisi yang bisa kuukir
ketika berbaris menaiki bas jam tujuh pagi
tapi waktu ini terlalu pantas menghirup usiaku
menjadikan aku kadangkala terbaring keletihan
dan hanya menanti dihidupkan kembali
oleh jam locengku setiap pagi.

SOROTAN :

Saudara-saudara pendengar.

Puisi ketiga yang menjadi bahan sorotan saya kali ini juga mengisi hal waktu. Puisi tersebut merupakan hasil karya NORULASHIKIN JAMAIN yang pernah terbit di akhbar Berita Minggu pada 4hb April 1982 dengan tajuk WAKTU. Melalui dua baris awal dalam puisi NORULASHIKIN ini kita sudah ditunjukkan oleh penyairnya betapa beliau amat menghargai dan mementingkan waktu. Menurut NORULASHIKIN.

ARAHAN : DEKLAMASIKAN PETIKAN INI

Izinkanlah aku belajar
menenal menghargaimu

SOROTAN :

Walaupun puisi WAKTU ini mengisi beberapa kerelaan penyairnya menghargai masa tetapi sekaligus kita didamparkan oleh suatu keluh kesah penyair sehingga ada ketikanya mengisi kehampaan dan rasa keputusasaan beliau yang berpanjangan :

dan pengejaran terhadapmu
menjadikan aku lelah
dan mengalah

SOROTAN :

Begitulah suara NOROLASHIKIN yang hampir sama dengan suara NORMANS tadi yang terperangkap dengan kepantasan waktu. Namun, bagi NORULASHIKIN, matlamat kehidupan lazimnya menjadikan manusia sering berusaha dan beliau mula mencari pengertian di sebalik ketewasan, kehampaan dan kehilangan di dalam waktu yang bergerak pantas. Sekarang hayatilah sepenuhnya puisi WAKTU tulisan NORULASHIKIN JAMAIN sebagai mengakhiri percakapan saya minggu ini. Semoga percakapan ini memberi manfaatnya.



ARAHAN : DEKLAMASIKAN PUISI INI

Izinkan aku belajar
Menenal dan menghargaimu
Pada detik-detik yang kauhidupi
Ketinggalanmu
Menjadikan aku sering terlewat
Dalam memiliki pencapaianku sendiri
Dan, pengajaran terhadapmu
Menjadikan aku lelah
Dan mengalah

Waktu.....
Demi kesejahteraanku esok
Demi ketenangan di saat-saat kehilanganmu
Izinkanlah aku mencari
Pengertian di sebalik kepantasanmu
Dan kepesatanmu
Kehidupan yang mengenalkan aku
Pada keemasan nilaimu
Agar pengejaran ini
Tidak terhenti di tengah-tengah
Kelelahan yang melemahkan usiaku.

ARAHAN :
PUTARKAN SEBUAH LAGU YANG MEMPUYAI UNSUR PUISI PADA
SENIKATA SEBAGAI SELINGAN BAGI RANCANGAN INI.

ANN :
Saudara-saudara pendengar.
Minggu ini ruangan sudut pandangan akan mengisi tulisan seorang penulis Temasik yang
gigih AZIZ FAKIR. Tulisan beliau kali ini bertajuk TEKNIK PENYAMPAIAN
SESEBUAH PUISI. Sekarang dengarilah bahagian pertama percakapan saudara Aziz
Fakir ini.

SUDUT :
Saudara-saudara pendengar yang berbahagia
Puisi adalah rangkaian bahasa yang indah atau berbunga-berbunga dan mempunyai
maksud atau tafsiran yang berbeza. Dari keindahan bahasa yang digunakan itulah
masyarakat cuba merenung dan memikirkan apakah hakikat puisi di hadapan matanya
dan apakah motif penulis yang ingin disampaikan kepada msyarakat terbanyak.



Hal ini bukanlah suatu kerja yang mudah. Untuk memahaminya ia agak memakan masa yang panjang bagi seseorang itu untuk mengetahui apakah sebenarnya yang dinamakan sajak atau puisi di hadapannya. Sebab itulah kalau kita bicarakan puisi dari segi teknik semata-mata maka hal itu bererti kita hanya menganggap puisi sebagai bahan dari pengajian yang mati, beku dan tidak bernyawa.

H.B Jassin pernah berkata jika seseorang peminat sasetra yang juga seniman pasif, sudah sepantasnya dengan usaha, baru bisa mengerti apa yang dihidangkan oleh seniman aktif dalam hasil seninya. Dari pihak peminat pula haruslah ada kesediaan untuk melatih diri. Bagi menikmati sesuatu seni, kita memerlukan kasih sayang, penyerahan, studi yang mendalam dan maha halus ini. Semakin kaya rasa seni yang halus ini, maka semakin banyak pula usaha kasih sayang yang diperlukan oleh seseorang peminat.

Peminat haruslah mempunyai pengertian tentang wujud kesenian supaya dengan demikian pancaindera yang dipertajamkan dan perasaan yang diperhalus bisa mendalami hasil sesuatu seni, melihat setiap hasil seni yang kecil dan seluruhnya. Seni sastera adalah seni bahasa. Sebab itu untuk mengerti seni sastera haruslah orang itu mengerti bahasa dan kemungkinan-kemungkinan tenaga pernyataannya.

Kini teranglah sudah, bahawa setiap orang yang ingin mengerti sesebuah hasil karya sastera khususnya bidang puisi, dia haruslah mengetahui sekurang-kurangnya tentang bahasa dan menaruh minat yang penuh di dalam meneliti setiap karya yang dibaca. Dengan adanya minat demikian, agak mudahlah bagi seseorang itu untuk memahami akan isi maksud yang tersurat dan tersirat di sebalik bahasa yang indah itu.

Puisi adalah limpahan perasaan yang meluap-luap yang timbul dari renungan dalam ketenteraman dan puisi yang baik hanya boleh dilahirkan oleh penyair yang berfikiran dalam dan panjang. Puisi juga berhubungan rapat dengan kemajuan moral, ia menjelmakan idea-idea moral sesuatu zaman.

Seorang penyair romantisma yang bernama PERCY BYSSHE SHELLEY berkata tentang puisi iaitu; puisi sentiasa menyampaikan kesenangan yang dapat diterima oleh manusia, puisi adalah cahaya kehidupan, sumber dari segala yang indah, murah dan benar. Puisi adalah sumber yang berisi dengan air kecerdasan dan kesenangan yang tak pernah kering.

Puisi mempunyai sifat-sifat keilahian atau divine. Ia adalah pusat ilmu pengetahuan akar dan bunga segala aliran pemikiran. Puisi adalah catatan dari saat yang baik dan indah di dalam dunia. Yang menjadi bentara, johan dan pengikut orang-orang besar yang memperjuangkan perubahan pendapat dan perlambangan adalah puisi.



Di dalam masyarakat yang baru tumbuh atau infancy of society, setiap pengarang adalah penyair, kerana bahas itu sendiri adalah puisi. Untuk menjadi penyair, seseorang harus memahami yang benar dan indah. Pendekatan segala kebaikan ada hubungannya dengan perwujudan dan pernyataan atau expression.

Ramai manusia yang menyedari bahawa kita harus meminta puisi mentafsirkan kehidupan kita, menghiburkan dan memperteguhkan kita sekaligus. Tanpa puisi, sains tidak akan lengkap, dan apa yang kita anggap sebagai agama dan filsafat dapat digantikan tempatnya dengan puisi, kerana puisi adalah seniman untuk mengungkapkan kebenaran dan keindahan dalam keperibadiannya sendiri. Puisi tak menghiraukan apakah karya yang dihasilkan itu berjaya atau popular. Yang sangat-sangat diutamakan ialah puisi harus merupakan penjelmaan jiwa seseorang seniman.

JURUHEBAH :

Demikianlah bahagian pertama sudut pandangan saudara AZIZ FAKIR mengenal TEKNIK PENYAMPAIAN SESEBUAH PUISI. Insya-allah pada minggu hadapan akan kami siarkan pula bahagian keduanya.

Sehingga bertemu lagi, salam takzim kami; Bicara Puisi.

